



K E M E N T E R I A N   K E R J A   R A Y A

# KENYATAAN MEDIA

## BLOK TAMBAHAN HOSPITAL TUANKU AMPUAN NAJIHAH, KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN (REKA & BINA)

KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN – Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ahmad Bin Hj. Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya, hari ini telah menyempurnakan majlis penyerahan Blok Tambahan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah siap dibina oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia sebagai agensi pelaksana.

2. Blok Tambahan ini telah dibina di atas tapak seluas 4.18 ekar di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Projek yang bermula dengan pemilikan tapak pada 10 Mac 2021 telah siap sepenuhnya diikuti dengan pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) pada 27 April 2026.

3. Projek bernilai hampir RM153.4juta ini merupakan projek penting untuk manfaat Kerajaan untuk rakyat di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) diselia oleh Pasukan Projek Khas 1 (PPK1), JKR. Projek ini dilaksanakan melalui kaedah Reka & Bina. Komponen utama projek ini adalah pembinaan sebuah Blok Tambahan berkapasiti 144 buah katil menjadikan jumlah keseluruhan kapasiti Hospital Tuanku Ampuan Najihah adalah sebanyak 458 katil.

4. Blok Tambahan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah dilengkapi dengan kemudahan dewan bedah moden yang menggunakan *Modular Operation Theatre (OT) System*. Secara keseluruhannya, hospital ini menyediakan enam (6) bilik *Operation Theatre (OT)* dan kesemua bilik tersebut menggunakan *Modular OT System* panel bagi memastikan persekitaran dewan bedah yang lebih bersih, selamat dan efisien.

5. Penggunaan Modular OT System ini merupakan antara pendekatan moden dalam penyediaan fasiliti dewan bedah di hospital kerajaan, dan Hospital Kuala

Pilih antara hospital terawal di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang mengaplikasikannya di Malaysia. Sistem ini menggunakan panel khas dengan permukaan licin, tidak berliang (*seamless joint*) serta mempunyai ciri anti-bakteria, sekali gus membantu meningkatkan tahap kebersihan, memudahkan pembersihan dan penyelenggaraan, serta mengurangkan risiko jangkitan di hospital.

6. Dari segi perancangan dan susun atur ruang, hospital ini direka dengan keupayaan untuk berfungsi sebagai hospital penyakit berjangkit sekiranya diperlukan, selaras dengan pengalaman negara menghadapi penularan COVID-19. Reka bentuk ini melibatkan pengasingan zon klinikal, kawalan pergerakan pesakit dan kakitangan, serta kemudahan sokongan yang membolehkan pengurusan kes dilaksanakan dengan lebih berkesan dan selamat.

7. Pembinaan Blok Tambahan ini adalah bagi menampung kadar pengisian katil (*bed occupancy rate*) yang semakin tinggi dari tahun ke tahun, termasuk menerima pesakit-pesakit daripada daerah berhampiran seperti Jelevu, Jempol dan Tampin serta kawasan bersempadan dengan Negeri Pahang. Selain itu, pembinaan ini telah meningkatkan tahap perkhidmatan kepada rakyat terutama di Jabatan Kecemasan dan Trauma, Jabatan Pengimejan Diagnostik, perkhidmatan jagaan harian serta pesakit-pesakit yang memerlukan perkhidmatan pakar seperti optalmologi, ortopedik dan pembedahan (*surgical*).

8. Projek pembinaan ini telah dilaksanakan oleh kontraktor, Pembinaan Sujaman Sdn Bhd menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri atau *Industrialised Building System* (IBS) dengan memperolehi penilaian skor IBS melebihi 70% yang turut telah dinobatkan sebagai pemenang ketiga terbaik dalam Anugerah Kementerian Terbaik Dalam Pengurusan Pematuhan Industrialised Building System (IBS) Bagi Tahun 2024 yang dianjurkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Skop projek ini merangkumi pembinaan :-

- i. Blok Tambahan berkapasiti 144 katil
- ii. Blok Mekanikal Dan Elektrikal;
- iii. Blok Pondok Pengawal;
- iv. Garaj Ambulans;



K E M E N T E R I A N   K E R J A   R A Y A

# KENYATAAN MEDIA

- v. Tangki V.I.E;
- vi. Tempat Letak Kenderaan; dan
- vii. Bangunan Sokongan.

9. Keberhasilan projek ini juga mencerminkan komitmen yang jitu daripada pihak Kerajaan Malaysia MADANI dalam memastikan fokus penyampaian projek bukan sekadar memastikan projek dapat disiapkan, tetapi kepada ketersediaan fasiliti yang mampu beroperasi secara optimum demi kesejahteraan rakyat. Dengan memastikan setiap projek disiapkan dengan piawaian tertinggi dan berkualiti, kita dapat mengurangkan kadar kesesakan di hospital sedia ada selain memendekkan tempoh menunggu pesakit untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan pakar.

10. KKR ingin merakamkan setinggi-setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atas kepercayaan yang tidak berbelah bahagi terhadap JKR Malaysia sebagai agensi pelaksana bagi fasiliti kesihatan negara. Kepercayaan berterusan ini membolehkan JKR Malaysia mengaplikasikan kepakaran teknikal yang ada bagi memastikan setiap prasarana dan infrastruktur dibina adalah memenuhi piawaian terkini, tepat pada waktunya dan mengikut kos yang ditetapkan.

11. Bagi menjamin pengoperasian fasiliti baharu ini, JKR Malaysia akan terus menyelia pihak kontraktor dalam tempoh *Defect Liability Period* (DLP) dalam tempoh 24 bulan daripada tarikh siap projek yang melibatkan aspek penyelenggaraan berkala komponen dan peralatan perubatan. Langkah ini bagi memastikan semua proses pasca-penyerahan bangunan dilaksanakan sepenuhnya mengikut kontrak dan keperluan pengoperasian hospital. Melalui penyediaan fasiliti kesihatan yang berkualiti, ekosistem kesihatan negara dapat diperkukuh demi kesejahteraan masyarakat.

**#Tamat#**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**28 APRIL 2026**

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#Jalankitatangungjawabkita

#KerajaanMADANI

#MADANIBekerja

**#Tamat#**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**31 MAC 2026**

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#Jalankitatangungjawabkita

#KerajaanMADANI

#MADANIBekerja